

22 JAN 1998

GUNAKAN RINGGIT, IA SAH DIPERLAKUKAN, KATA DR MAHATHIR KEPADA PEMBEKAL

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas pembekal-pembekal di negara ini yang berkeras untuk mendapatkan pembayaran dalam bentuk dolar Amerika apabila mereka seharusnya menggunakan ringgit memandangkan ia sah diperlakukan di negara ini.

Katanya beliau tidak nampak sebarang sebab mengapa sesetengah pembekal pemastautin seharusnya menginvoiskan pembeli-pembeli tempatan dalam dolar Amerika.

Jika pembekal-pembekal mahukan dolar Amerika, mereka boleh menukarkan ringgit untuk mendapatkan dolar pada kadar tukaran semasa, katanya apabila diminta mengulas tentang sungutan orang ramai yang menyatakan sesetengah pembekal pemastautin telah menginvoiskan pembeli tempatan mereka dalam dolar Amerika, selepas melawat ibu pejabat dan studio HVD di Ceras di sini.

Pembekal-pembekal berkenaan telah juga meminta supaya pembayaran dibuat kepada sekutu mereka di luar negara, terutamanya di Singapura.

Sebagai menjawab aduan itu, semalam Bank Negara telah memberi peringatan tegas bahawa semua pembayaran antara pemastautin Malaysia mesti dibuat dalam bentuk ringgit dan bukannya dalam matawang asing.

Dr Mahathir mempersoalkan tindakan pembekal-pembekal yang mahukan dolar Amerika jika mereka tidak keluar negara.

"Sekiranya kita berbuat demikian (bayar dalam dolar Amerika di dalam negeri), maka nilai ringgit akan jatuh lagi dan akhirnya kita terpaksa berdagang di dalam negeri menggunakan matawang asing yang akan menimbulkan masalah besar kepada kita," katanya.

"Saya tidak lihat mengapa kita tidak seharusnya menerima ringgit...kita seharusnya boleh menukarnya pada kadar tukaran semasa," katanya sambil menambah beliau bagaimanapun, tidak tahu apakah implikasi dari sisi undang-undang dalam tidak menggunakan ringgit.

Ditanya mengenai pembekal-pembekal yang enggan mengirinkan barangan mereka jika syarikat-syarikat tidak mematuhi, beliau berkata: "kita tidak mahukan dolar Amerika digunakan secara meluas" terutamanya apabila urusniaga dilakukan di dalam negeri.

Bank pusat berkata bahawa di bawah Akta Kawalan Tukaran Wang 1953 dan Notis Kawalan Tukaran Wang berkaitan, ECM 4: Pembayaran Am, semua bayaran antara pemastautin di negara ini mesti dibuat dalam ringgit.

Pemastautin dinasihatkan mendapatkan kelulusan terlebih dahulu dari Pengawal Tukaran Asing sebelum membuat sebarang pembayaran dalam matawang asing kepada pemastautin yang lain, termasuk mengirinkan matawang asing keluar negara atas arahan pemastautin yang lain. -- BERNAMA

AH MA